

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD

(LIPIS)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.06.2015

Y.B. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD [LIPIS]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hasil siasatan terhadap dakwaan timbulnya penyelewengan terhadap syarikat 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ketua Audit Negara telah pun memulakan auditan ke atas akaun 1MDB (*review of accounts*) yang bermula pada 10 Mac 2015 dan proses tersebut masih lagi berlangsung.

Seperti yang telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri sebelum ini, sebaik sahaja Ketua Audit Negara selesai menjalankan kajian ke atas akaun 1MDB, hasil auditan akan diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) untuk makluman dan tindakan PAC selanjutnya.